

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

HELAIAN PENERANGAN PRODUK



(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in Group Credit Family Takaful. Be sure to also read the general terms and conditions.)

(Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful Keluarga Kredit Berkelompok. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Group Credit Family Takaful / Takaful Keluarga Kredit Berkelompok

Date / Tarikh : 26 Apr 2021

1. What is this plan about?

Apakah ciri-ciri pelan ini?

- * This is a single contribution group family takaful plan which provides Takaful protection with the sum covered upon death or Total and Permanent Disability (TPD) of the person covered.

Ini adalah pelan takaful keluarga berkelompok dengan caruman tunggal yang memberi perlindungan Takaful dengan jumlah perlindungan ketika kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal orang yang dilindungi.

- * Upon surrender of the certificate, any balance of the Participant's Account (PA) after deducting the surrender charge will be payable.

Ketika serahan sijil, sebarang baki Akaun Peserta selepas ditolak caj serahan akan dibayar.

- * At maturity of the certificate, any balance of the Participant's Account and any final distribution amount of investment profit will be payable.

Apabila sijil matang, sebarang baki Akaun Peserta dan sebarang amaun agihan akhir bagi keuntungan pelaburan akan dibayar.

2. What are the Shariah concepts applicable?

Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- * This plan applies the Shariah concepts of Wakalah and Tabarru'.

Pelan ini menggunakan konsep Syariah Wakalah dan Tabarru'.

- * Wakalah is a contract where the proposed participant appoints the takaful operator to carry out transactions on the proposed participant's behalf to invest and manage the contribution in the Participant's Account (PA) and Risk Fund in accordance with the Shariah. As a return, the proposed participant allows the takaful operator to deduct certain amount as wakalah fee for the services rendered.

Wakalah adalah kontrak di mana peserta yang dicadangkan melantik pengendali takaful untuk menjalankan transaksi bagi pihaknya untuk melabur dan mengurus carumannya di dalam Akaun Peserta (AP) dan Dana Risiko menurut Syariah. Sebagai pulangan, peserta yang dicadangkan membenarkan pengendali takaful untuk menolak sejumlah amaun sebagai yuran wakalah untuk perkhidmatan yang diberikan.

- * Tabarru' (a.k.a cost of insurance in conventional insurance) will be deducted from the PA and credited into the Risk Fund.

Tabarru' (juga dikenali sebagai caj insurans dalam insurans konvensional) akan ditolak dari AP dan dimasukkan ke dalam Dana Risiko.

- * Tabarru' means a donation for the purpose of which is not commercial and is used to help other proposed participants in times of misfortune for the purpose of solidarity, brotherhood and cooperation among the proposed participants.

Tabarru' bererti satu sumbangan yang bukan bertujuan komersil dan digunakan untuk menolong peserta lain yang dicadangkan yang berada dalam kesusahan atau ditimpa malapetaka atas dasar perpaduan, persaudaraan dan kerjasama antara peserta-peserta yang dicadangkan.

- * Any investment profit arising from the PA will be determined and distributed at our sole and absolute discretion where the annual amount of investment profit distribution between the proposed participant and the takaful operator is in accordance with the proportions of 90% to the proposed participant and 10% to the takaful operator.

Sebarang keuntungan pelaburan dari AP akan ditentukan dan diagihkan atas budi bicara mutlak dan tunggal kami di mana jumlah tahunan pengagihan sebarang keuntungan pelaburan antara peserta yang dicadangkan dan pengendali takaful adalah dalam kadaran 90% kepada peserta yang dicadangkan dan 10% kepada pengendali takaful.

- * Any surplus arising from the Risk Fund will remain in the Risk Fund to protect against unfavorable claim experience.

Sebarang lebihan dari Dana Risiko akan kekal dalam Dana Risiko untuk melindungi pengalaman tuntutan yang buruk.

- * If the Risk Fund is in deficit, and after having exhausted all available avenues, an interest free loan from the takaful operator on Qardh will be taken. The Qardh will be repaid when the Risk Fund returns to be profitable.

Jika Dana Risiko mengalami defisit, dan jika tiada cara lain, pinjaman tanpa faedah daripada pengendali takaful berdasarkan Qardh akan dibuat. Qardh akan dibayar balik apabila pulangan Dana Risiko mendapat keuntungan.

3. What are the covers / benefits provided?

Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

- * This plan provides sum covered for death or TPD.

Pelan ini memberi jumlah perlindungan bagi kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal.

- * Please refer to the 'Schedule of Sum Covered' of the Quotation for the sum covered payable if a valid claim event occurs and the duration of cover for this plan.

Sila rujuk kepada 'Jadual Jumlah Perlindungan' dalam Sebut Harga untuk jumlah perlindungan yang dibayar sekiranya kejadian tuntutan yang sah berlaku dan tempoh perlindungan bagi pelan ini.

4. How much contribution do I have to pay?

Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

- * The total contribution due and the certificate terms may vary depending on the underwriting requirements of the takaful. *Jumlah caruman yang perlu dibayar dan terma sijil mungkin berubah mengikut syarat-syarat pengunderaitan yang ditentukan oleh pengendali takaful.*
- * Contribution duration: Single Contribution at the inception of the certificate. *Tempoh caruman: Caruman Tunggal pada permulaan sijil.*
- * Please refer to the Quotation for the estimated single contribution to be payable. *Sila rujuk kepada Sebut Harga untuk anggaran caruman tunggal yang perlu dibayar.*

5. What are the fees and charges that I have to pay?

Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?

- * Wakalah fee for the payment of commission / administration fee and other expenses. *Yuran wakalah untuk pembayaran komisyen / yuran pengurusan dan perbelanjaan lain.*
- * Surrender charge of RM100 upon surrendering the certificate and it will be subject to 6% Goods and Services Tax (GST). *Caj serahan sebanyak RM100 ketika serahan sijil dan ia akan tertakluk kepada 6% Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).*
- * Please refer to the Quotation for the amount of fees and charges under this plan. *Sila rujuk kepada Sebut Harga untuk amaun yuran-yuran dan caj-caj di bawah pelan ini.*

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- * Duty of disclosure - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this plan wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make any misrepresentation in answering the questions in the proposal form (or when you apply for this plan). You must answer the questions fully and accurately. Failure to take reasonable care in answering the questions may result in voidance of your contract of, refusal or reduction of your claim(s), change of the terms or termination of your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us. In addition to answering the questions in the proposal form (or when you apply for this plan), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information provided in the proposal form (or when you applied for this plan) is inaccurate or has changed.

Tanggungjawab Pendedahan - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon pelan ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat pernyataan yang salah semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini). Anda mesti menjawab soalan-soalan dengan sepenuhnya dan setepatnya. Kegagalan untuk mengambil langkah yang sewajarnya semasa anda memohon pelan ini, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatkan kontrak Takaful anda. Kewajiban pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini), anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini) tidak tepat atau sudah berubah.

- * Free-look period - You may cancel this plan by returning the certificate within fifteen (15) calendar days after the certificate has been received by you. The contributions that you have paid (less any medical fee incurred) will be refunded to you. Cancellation of this plan is subject to the consent from proposed participant.

Tempoh penelitian percuma - Anda boleh membatalkan pelan ini dengan memulangkan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari kalender selepas sijil diterima oleh anda. Caruman yang anda telah bayar (ditolak dengan sebarang yuran perubatan yang telah dikenakan) akan dibayar balik kepada anda. Pembatalan pelan ini adalah bergantung kepada persetujuan daripada peserta yang dicadangkan.

- * Any amount owed to the takaful operator will first be deducted from the benefits payable.

Sebarang amaun terhutang kepada pengendali takaful akan ditolak terlebih dahulu daripada manfaat yang dibayar.

Note / Nota:

The above list is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the terms and conditions under this plan.

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi pelan ini.

7. What are the major exclusions under this plan?

Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

- * Death / Kematian
 - * Suicide, while sane or insane, within the first (1) year from the commencement date of the certificate. *Membunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tahun pertama (1) dari tarikh permulaan sijil.*
- * TPD / Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK)
 - * TPD that existed prior to or on the Commencement Date; *KMK yang telah wujud sebelum atau pada Tarikh Permulaan;*
 - * Suicide, attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane. *Membunuh diri, cubaan membunuh diri atau kecederaan secara sengaja, ketika waras atau tidak waras.*

Note / Nota:

The above list is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the full list of exclusions under this plan.

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi pelan ini.

8. Can I cancel my certificate?

Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Yes, you may surrender/cancel the certificate for its cash value. However, participating in a family takaful plan is a long-term financial commitment. The cash amount that the takaful operator will pay you when you surrender/cancel the certificate before the maturity period might be less than the total amount of contribution that you have paid. Cancellation of this plan is subject to the consent from proposed participant.

Ya, anda boleh menyerahkan/membatalkan sijil untuk mendapatkan nilai tunai. Walaubagaimanapun, menyertai pelan takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Amaun tunai yang akan dibayar oleh pengendali takaful apabila anda menyerahkan/membatalkan sijil sebelum tempoh matang mungkin kurang daripada jumlah amanah caruman yang telah dibayar. Pembatalan pelan ini adalah bergantung kepada persetujuan daripada peserta yang dicadangkan.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat untuk menghubungi anda untuk memastikan supaya semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dalam tempoh yang sepatutnya.

10. Where can I get further information?

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Should you require additional information about family takaful, please refer to the booklet on 'Family Takaful' available at all our branches or visit www.islamicfinanceinfo.com.my.

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan mengenai 'Takaful Keluarga' yang terdapat di semua cawangan kami atau layari www.islamicfinanceinfo.com.my.

If you have any queries, please contact us at:

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646 - K)

Head Office / Ibu Pejabat : 26th Floor, Annexe Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.

Telephone / Telefon : 603-2268 1984

Fax / Faks : 603-2274 0237

Website / Laman Sesawang : takaful-malaysia.com.my

Customer Service / Khidmat Pelanggan : 1-300 88 252 385

E-mail / E-mel: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Other similar types of family takaful cover available

Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan

Please ask the takaful operator/intermediary for other similar types of plans offered by the takaful operator.

Sila ajukan pertanyaan kepada pengendali takaful/pengangkara untuk lain-lain jenis pelan yang serupa yang ditawarkan oleh pengendali takaful.

IMPORTANT NOTES / NOTIS PENTING :

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS PLAN WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE INTERMEDIARY OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG PALING SESUAI DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ATAU MENGHUBUNGI TERUS PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

Syarikat Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 26 Apr 2021.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuatkuasa pada 26 Apr 2021.